

**Pindaan Kanun Keseksaan Dan Kanun Acara Jenayah Dibacakan Buat Kali Pertama Bernama
10 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Rang Undang-undang Kanun Keseksaan 2012 yang mencadangkan pindaan Kanun Keseksaan (Akta 574) sejajar dengan pengenalan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, dibentangkan untuk bacaan pertama para persidangan Dewan Rakyat Selasa.

Pindaan itu mencadangkan Kanun Keseksaan digunakan bagi menangani kegiatan jenayah terancang, aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen, sabotaj dan pengintipan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz membentangkan rang undang-undang itu.

Klausula 2 mencadangkan pindaan Seksyen 4 kanun berkenaan untuk memasukkan kesalahan-kesalahan di luar wilayah manakala satu bahagian baru -- Bahagian VIB mengenai jenayah terancang -- telah dimasukkan sebagai kesalahan di luar wilayah mengikut kanun berkenaan.

Satu perenggan baru juga dimasukkan yang mencadangkan bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap hartanah yang dikendalikan atau dikawal secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kerajaan, atau mana-mana kerajaan negeri lain atau Malaysia atau mana-mana perbadanan yang dibentuk mengikut undang-undang Malaysia yang terletak di luar Malaysia adalah juga dianggap dilakukan di Malaysia.

Perluasan ini konsisten dengan kedudukan semasa perundangan antarabangsa, menurut rang undang-undang berkenaan.

Sementara itu, Klausula 3 mencadangkan untuk menangani situasi semasa yang dihadapi polis berhubung dengan dalang yang memberi arahan bagi perlakuan jenayah dilakukan kerana melakukan perbuatan jenayah sebagai penguatkuasa. Pada masa ini perbuatan bersekongkol tidak meliputi mereka yang memberikan arahan.

Klausula 5 rang undang-undang itu mencadangkan penambahan subseksyen baru kepada Seksyen 120B mengenai hukuman konspirasi jenayah manakala Klausula 6 memperkenalkan 13 kesalahan dalam Bahagian VI (Kesalahan-kesalahan Terhadap Negara).

Tujuh daripada kesalahan berkenaan adalah kesalahan baru, iaitu kegiatan yang menjejaskan demokrasi berparlimen, cubaan untuk melakukan kegiatan yang menjejaskan demokrasi berparlimen, penyebaran maklumat, sabotaj, cubaan untuk melakukan sabotaj, pengintipan dan cubaan melakukan pengintipan.

Klausula 8 mencadangkan untuk memperkenalkan kesalahan baru menjadi anggota kumpulan pengganas, yang mana apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak mencadangkan hukuman bagi anggota kumpulan pengganas adalah penjara, yang boleh dilanjutkan kepada hukuman penjara seumur hidup dan boleh dikenakan denda.

Terdapat juga klausula mengenai jenayah terancang, dengan dua kesalahan baru iaitu

menjadi anggota kumpulan jenayah yang membawa hukum penjara sehingga lima tahun, dan membantu kumpulan jenayah terancang yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun.

Serentak dengan itu, Mohamed Nazri turut membentangkan Rang Undang-Undang Kanun Acara Jenayah untuk bacaan kali pertama. Antara lain, Klausu 5 rang undang-undang untuk mencadangkan memperkenalkan tiga seksyen baru yang bertujuan meningkatkan kuasa penyiasatan polis kepada pegawai berpangkat inspektor ke atas, termasuk untuk menyiasat dan merampas tanpa waran, kuasa untuk mengakses data berkomputer dan serta memintas maklumat.

Klausu 7 mencadangkan pindaan Seksyen 153 Akta 593 peruntukan apabila tertuduh didakwa dengan kesalahan berkaitan penerbitan menerusi medium elektronik, tempat penerbitan adalah di mana penerbitan itu dilihat, didengar atau dibaca oleh mana-mana individu.

Klausu 8, 9 dan 10 rang undang-undang itu berhubung dengan pelaksanaan dan syarat-syarat bagi pemantauan peralatan elektronik terhadap mana-mana tertuduh.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658332>